

Surat khabar: Berita Harian (Sarawak)

Hari/Tarikh: 7/9/2013

Muka surat: 13

Tajuk : Kekurangan Tak Patah Semangat OKU Masuk IPT.



Fatimah dan Mohamad Kadim (duduk tiga dari kiri) bersama Suat Me (kiri) dan dan Nur Aziman Juanidi (kanan) pada majlis Ikrar Pelajar UNIMAS.

[FOTO NUR NADIA JAMALUDDIN/BH]

Kekurangan tak patah semangat OKU masuk IPT

Kota Samarahan: Kekurangan diri dua penuntut orang ke-lainan upaya (OKU) tidak menghalang dan mematahkan semangat mereka untuk melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Nur Aziman Junaidi, 20, yang kudung kaki kanan, dan Tea Suat Me, 21, mengalami

masalah penglihatan, adalah antara 3,969 pelajar universiti itu yang baru mendaftar diri.

Bagi Nur Aziman yang hilang kaki kanan akibat kemalangan setahun lalu, kecacatan itu tidak mematahkan semangatnya bagi melanjutkan pengajian ke universiti.

Katanya, dia terasa diberi peluang kedua apabila men-

dapat tawaran melanjutkan pengajian di UNIMAS peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Korporat selepas menamatkan kursus matrikulasi di Labuan.

"Saya tidak nafikan kejadian yang menimpa nyaris menyebabkan saya putus harapan untuk meneruskan hidup kerana terlalu memikirkan na-

sib dan cabaran pada masa hadapan.

"Namun, selepas mendapat tawaran melanjutkan pengajian di UNIMAS, saya seperti mendapat semangat baru dalam kehidupan dan bertekad tidak akan mensia-siakan peluang ini demi memastikan masa hadapan lebih sempurna," katanya yang berasal dari Samarang.

Nur Aziman ditemui selepas Majlis Ikrar Pelajar Baru UNIMAS di hadapan Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Fatimah Abdullah, dan disaksikan Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi di universiti di sini, semalam.

Sementara itu, Suat Me, yang mengalami masalah penglihatan sejak berusia enam tahun, berkata kekurangan dirinya tidak meruntuhkan semangatnya untuk meraih kejayaan seperti individu lain.

Sebaliknya, katanya, kecatatan itu mendorongnya agar menjadi seorang yang lebih tabah dan gigih berusaha.

"Walaupun terpaksa meneruskan pengajian dalam kehidupan yang penuh 'kegelapan', saya bersyukur kerana masih diberi peluang melanjutkan pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Perhubungan Sains Komputer," katanya yang berasal dari Johor.